

Buletin 2020

Edisi 53 | Jan - Mac 2020



utmspace.edu.my

PENDAFTARAN PROGRAM SARJANA MUDA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM (AMBILAN FEBRUARI 2020)



1 Februari 2020, telah berlangsungnya hari pendaftaran bagi program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM. Pendaftaran ini merupakan pengambilan Februari 2020 dimana sebanyak 21 program telah ditawarkan termasuklah program sains, pentadbiran dan kejuruteraan.




Majlis didahului dengan penyampaian ucap-tama oleh Pengerusi UTMSPACE Prof Ts Dr. Othman Bin Che Puan serta kehadiran beberapa orang pegawai tertinggi UTMSPACE pada hari tersebut. Ia diikuti dengan bacaan ikrar pelajar telah diketuai oleh Muhammad Nur Qawim Bin Hizil.

Seramai 212 orang pelajar telah hadir mendaftar dan ditempatkan di pusat pengajian induk serta beberapa lagi pusat pembelajaran seluruh Malaysia.

Pendaftaran atas talian bagi menyertai Program Sarjana Muda Pengajian Separuh Masa UTM ambilan Februari 2020 telah dibuka pada 1 November sehingga 31 Disember 2019 yang lalu. Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan kepada pelajar yang terpilih.





DUTA SPACE

- ALIFAH ILYANA BINTI SOHARTO



10 Februari – Buat julung kalinya, UTMSPACE telah melantik saudari Alifah Ilyana binti Soharto sebagai Duta SPACE yang pertama. Penerima Anugerah Naib Canselor pada Majlis Konvokesyen UTM ke-63 yang lalu ini, telah dilantik selaku Duta SPACE pada tahun 2020. Pelantikan beliau bertepatan dengan pencapaian cemerlang yang diraih dalam akademik, sukan dan khidmat komuniti. Beliau merupakan pelajar cemerlang peringkat diploma khususnya di dalam bidang teknologi maklumat sains komputer. Kini beliau sedang melanjutkan pengajian di bidang yang sama diperingkat sarjana muda di UTM.

Penerima Anugerah Dekan sejak tahun pertama pengajian sehinggalah tamat di peringkat diploma telah membuktikan penglibatannya dalam aktiviti sosial kemasyarakatan amat memberangsangkan terutama berkaitan dengan pembangunan pendidikan.



Personaliti yang berasal dari Seri Kembangan, Selangor ini amat meminati sukan bola jaring dan bola tampar serta sering mewakili pasukannya ke pertandingan peringkat daerah dan kebangsaan sejak di bangku sekolah sehingga kini. Setinggi – tinggi tahniah diucapkan kepada beliau di atas perlantikannya sebagai Duta SPACE 2020.

PAMERAN SENI CATAN PROGRAM DIPLOMA SENIBINA (DDWR) UTM JB SEMESTER 2, 2020.



8 Februari - Majlis Pameran Seni Catan yang bertemakan Alam, Ilmu, Alim dan Ulama ini telah berlangsung di ruang legar Residensi UTM Kuala Lumpur. Majlis yang telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Hajeedar Abdul Majid, Pengerusi ICOMOS Malaysia dan Pengerusi Majlis Warisan Kebangsaan di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia ini telah mempamerkan sebanyak 33 buah lukisan hasil daripada pelajar-pelajar daripada program Diploma Senibina.

Mereka telah diberikan peluang dan platform untuk mengetengahkan bakat berupa ekspresi seni lukisan yang begitu unik untuk dipamerkan. Karya-karya yang terbaik sahaja dipilih untuk dipamerkan kepada umum dan sekaligus ia boleh dimiliki untuk pelbagai tujuan.

Memetik daripada teks ucapan Yang Berbahagia Dato' Haji Hajeedar Abdul Majid, beliau menyatakan bahawa di dalam seni terdapat beberapa prinsip dan disiplin yang perlu dipatuhi dan itu semua menjadi pengukuh dalam karya senibina yang baik dalam penghasilannya.



Manakala Dr Fawazul Khair bin Ibrahim, Pengerusi bagi Pameran Seni Catan ini berkata bahawa tema unik yang diketengahkan pada kali ini mengandungi penyatuan huruf–huruf Jawi seperti Ain, Lam dan Mim telah mewujudkan perkataan Alam Alim Ulama dan Ilmu dengan hanya mengubah tanda baris pada setiap perkataan. Tema ini diterapkan kepada pelajar dalam melahirkan idea-idea dalam penghasilan karya seni mereka pada kali ini.




Menurut beliau lagi, seni catan (*painting*) telah bermula lebih dari 20 tahun di dalam pembelajaran program senibina UTM di peringkat Ijazah. Ia merupakan salah satu pembelajaran asas kepada pelajar-pelajar senibina namun ia merupakan tahun kedua peringkat diploma di SPACE dan berharap dapat diteruskan khususnya di kampus Johor.





Turut hadir pada majlis itu adalah Yang berusaha Prof. Ts. DR Othman bin Che Puan Pengerusi UTMSPACE, Profesor Madya Mazlan bin Mohamad Abdul Hamed, Timbalan Pengerusi Pembangunan SPACE dan Puan Zareena binti Omar, Pengarah Pejabat Pembangunan Bisnes UTMSPACE. Pameran lukisan ini telah berlangsung sehingga 16 Februari 2020.

AUDIT AKADEMIK DI EDUCATION (M) FLIGHT ACADEMY SDN. BHD.



4 Februari 2020, Pusat Program Eksekutif (PPE) UTMSpace telah menjalankan audit akademik ke atas Education (M) Flight Academy Sdn. Bhd. yang diketuai oleh Dr Low Hock Heng, Pengurus Besar Pusat Program Eksekutif UTMSpace dan dibantu oleh En. Anas Bin Arshad serta Cik Atikah binti Mohd Apid.

Objektif utama pengauditan akademik yang dijalankan secara berkala dari pihak PPE UTMSpace bertujuan bagi menjamin kualiti program yang ditawarkan ditahap yang terbaik selain mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang telah dipersetujui bersama. UTMSpace juga memandang serius pelbagai perkara termasuklah hal ehwal akademik pelajar yang diuruskan oleh pihak terbabit supaya ia ditahap yang baik.



Terdapat lapan perkara teras utama dalam proses audit akademik yang dijalankan ke atas Education (M) Flight Academy Sdn. Bhd dan antaranya adalah :

- i. Hasil pembelajaran
- ii. Jadual perancangan kelas pembelajaran
- iii. Jadual kedatangan pelajar
- iv. Kertas soalan peperiksaan
- v. Kertas jawapan pelajar
- vi. Keputusan/transkrip pelajar
- vii. Markah pelajar
- viii. Data pelajar

Juruaudit dari UTMSPACE perlu hadir ke Pusat Pengurusan Program (PPP) dan memastikan tahap kepatuhan berpandukan kepada senarai semak yang sudah ditetapkan. Pihak PPP juga menyediakan semua dokumen yang berkaitan kepada pihak auditor untuk direkodkan sebagai bukti pengauditan telah dijalankan.

Selain daripada itu, lapan orang pelajar dari kohort yang berbeza telah dipilih secara rawak untuk sesi temubual dalam proses pengauditan tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa pelajar tersebut benar-benar mengikuti program pengajian seperti yang telah ditetapkan oleh UTMSPACE.

INTERNATIONAL CONFERENCE ON BUSINESS, COMMERCE AND MANAGEMENT STUDIES (BIZCOM 2020) & INTERNATIONAL CONFERENCE ON ARCHITECTURE AND CIVIL ENGINEERING (ACE2020)

UTMSPACE dengan kerjasama The International Institute of Knowledge Management (TIKM), Sri Lanka telah menjayakan The International Conference on Business, Commerce and Management Studies (BIZCOM 2020) dan International Conference on Architecture and Civil Engineering (ACE2020) yang berlangsung pada 12 dan 13 Mac 2020 di Swiss-Garden Hotel & Residences, Kuala Lumpur.

Ucuptama bagi persidangan ini telah disampaikan oleh Prof. Dr. Azlan Ab Rahman, sebagai Menjalankan Tugas Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UTMSPACE serta Mr. Isanka P. Gamage, Pengasas Bersama & Pengarah Urusan TIIKM selaku rakan penganjur persidangan Majlis Perasmian BIZCOM2020.





Program diteruskan dengan sesi pembentangan yang bertajuk “Doing Good Better – Empowerment vs Dependency” yang disampaikan oleh Mr. Jerryson Doss, wakil Viva Starfish Sdn. Bhd. Turut hadir ke persidangan tersebut adalah Pengurus Besar PPP, Prof. Madya Sr Dr. Sarajul Fikri bagi mempengerusikan majlis pada hari kedua. Ternyata persidangan tersebut memberi impak positif disamping membuka peluang dan ruang kepada para akademik dan industri dalam sektor pembangunan perniagaan, perdagangan dan kejuruteraan senibina.

SEMINAR UNTUKMU WANITA 2020 – KE ARAH WANITA YANG PROFESIONAL, SIHAT DAN CERIA

Bersempena dengan Hari Wanita Sedunia, UTMSPACE telah menganjurkan Seminar Untukmu Wanita 2020 pada 5 Mac 2020 yang lalu. Seminar ini diterajui oleh beberapa orang penceramah jemputan hebat yang terdiri daripada Dr. Sakinah Sulong merupakan Pakar Perubatan Keluarga, Dr Hazli Zakaria, Pensyarah Psikiatri Pusat Perubatan UKM dan Puan Suzana Ghazali, Perunding Psikologi Keluarga dan Guaman Syarie.

Pelbagai topik penting yang juga melibatkan hal ehwal semasa telah dikongsi dan dibahaskan termasuklah aspek profesionalisme, kesihatan mental, kesihatan diri dan kecergasan jasmani wanita dalam urusan sehari-hari.

Umumnya, seminar terbahagi kepada 3 slot utama; Sihat Luaran.. Sihat Dalaman, Saya Gembira, Saya Ceria dan Bila Motivasi Menurun... ternyata memberi input positif serta meningkat motivasi peserta yang hadir.





Program yang disertai oleh 50 orang ini daripada pelbagai agensi dan organisasi swasta dan kerajaan termasuklah Malaysia Japan Higher Education Program (MJHEP), Yayasan Pelajaran MARA, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Majlis Perbandaran Sepang, Bhg Kawaselia Radiasi Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, dan Majlis Daerah Kuala Langat.

PROGRAM SUMMER SCHOOL, MEIJI UNIVERSITY JAPAN

Penganjuran Program Summer School 2020 yang diadakan di UTM Kuala Lumpur, membuka tirai program seumpamanya bagi tahun 2020. Program anjuran bersama UTMSPACE ini telah berjaya diadakan dengan penyertaan Meiji University, Jepun yang disertai oleh tujuh orang peserta daripada universiti tersebut bermula daripada 10 Februari sehingga 29 Februari 2020.

Pengisian utama program tersebut termasuklah kelas intensif Bahasa Inggeris yang dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah Akademi Bahasa UTM, lawatan sambil belajar di sekitar Lembah Klang seperti Muzium Negara, Tugu Negara, MATIC, Batu Caves, Pasar Seni dan KLCC serta ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.





Peserta diberi pendedahan adat budaya dan bahasa Melayu disamping menjalani aktiviti berkumpulan bagi memberi kefahaman terhadap apa yang telah dipelajari. Di penghujung program, para peserta telah diberikan sijil penyertaan yang telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Abd Rahman bin Abdul Rahim selaku ketua projek bagi program kali ini serta dihadiri oleh barisan fasilitator dan tenaga pengajar dari Akademi Bahasa UTM.

LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN PENTADBIRAN BAGI BULAN JANUARI SEHINGGA MAC 2020


Laporan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran bagi bulan Januari sehingga Mac 2020 merangkumi data yang diperoleh hasil dari proses pelaksanaan tanggungjawab Sumber Manusia terutama dari aspek penjawatan, penilaian, kebajikan dan latihan.

PENJAWATAN

Pada tahun 2019, bilangan keseluruhan staf lantikan UTMSPACE adalah seramai 322 orang yang terdiri daripada 247 staf Kategori Pentadbiran dan 75 staf Kategori Akademik (Pensyarah). Manakala staf Akademik (Pensyarah) lantikan UTM yang dipinjamkan secara pentadbiran ke UTMSPACE adalah seramai 47 staf.

Bagi permulaan penggal tahun 2020 melalui data penjawatan bulan Januari sehingga Mac ini, bilangan keseluruhan staf lantikan UTMSPACE adalah seramai 370 staf yang terdiri daripada 76 staf Kategori Akademik (Pensyarah) dan 247 staf Kategori (Pentadbiran). Manakala bagi staf Akademik (Pensyarah) lantikan UTM adalah berjumlah 47 orang staf.

Berikut merupakan perbandingan penjawatan staf UTMSPACE secara keseluruhan pada Disember 2019 sehingga Mac 2020.



Rajah 1 : Perbandingan Jumlah Penjawatan staf di UTMSPACE

PELANTIKAN STAF BAHARU UTMSPACE JANUARI - MAC 2020

Sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2020, seramai lima (5) orang staf baharu telah melaporkan diri ke UTMSPACE. Antaranya adalah :

BIL	NAMA/ JAWATAN	BAHAGIAN	LOKASI	TARIKH PELANTIKAN
1.	 Ahmad Zaki bin Abdllah Sani Juruteknik	PPHR	JB	1 Jan 2020
2.	 Mohd Azri bin Johan Pensyarah	PPD	KL	3 Feb 2020
3.	 Izzat Syamir bin Mohamad Noor Eksekutif	PPHR	JB	16 Feb 2020

BIL	NAMA/ JAWATAN	BAHAGIAN	LOKASI	TARIKH PELANTIKAN
4.	 Noorzana binti Khamis Eksekutif Akademik		PPI	JB 15 Mac 2020
5.	 Nur 'Ain Najihah bt Maarof Eksekutif Akademik		PPI	JB 15 Mac 2020

Rajah 2: Staf Baharu UTMSPACE (Januari-Mac 2020)

TAMAT PERKHIDMATAN

Sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2020, seramai tiga (3) staf telah menamatkan perkhidmatan di UTMSPACE iaitu:

BIL	NAMA/ JAWATAN	BAHAGIAN	LOKASI	TARIKH AKHIR PERKHIDMATAN
1.	Nur Aishah Dianah binti Mohd Shamsudin Pembantu Tadbir	PPP	JB	14 Jan 2020
2.	Fahmi bin Ab Aziz Penolong Eksekutif Kanan	PPD	KL	5 Feb 2020
3.	Julieanah binti Mohamad Jamil Pensyarah	PPD	KL	10 Feb 2020

Rajah 3: Staf Tamat Perkhidmatan di UTMSPACE (Januari-Mac 2020)

KURSUS, LATIHAN DAN TAKLIMAT

Seperti yang telah dicadangkan pada Kalendar Kursus Tahun 2020 UTMSPACE, beberapa kursus dalaman telah dirangka bagi tujuan pelaksanaan sepanjang 2020. Namun, beberapa kursus yang dicadangkan tidak dapat dilaksanakan atas faktor-faktor tertentu.

Rumusan pelaksanaan **kursus dalaman** adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Kursus/ Latihan	Tarikh Dijadualkan	Status Pelaksanaan
1.	Apple Certified Mac Operating Sytem Technician	29-30/1/2020	Dilaksanakan pada 29-30/1/2020
2.	Kursus Komunikasi Interpersonal dan Imej Profesional	26-27/2/2020	Dilaksanakan pada 4-5/3/2020
3.	Kursus Intensif Pemanduan Mahir dan Defensif (Teori & Praktikal)	21-22/3/2020	Ditangguhkan -Perintah Kawalan Pergerakan (COVID19)
4.	Kursus Penggunaan Infografik dalam Penyediaan Laporan/Kertas Kerja	25-26/3/2020	Ditangguhkan -Perintah Kawalan Pergerakan (COVID19)

**Rajah 4 : Senarai Pelaksanaan Kursus Dalaman Staf UTMSPACE
(Januari-Mac 2020)**


Selain kursus/latihan dalaman dan luaran kepada staf, beberapa sesi taklimat anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran turut dilaksanakan bagi tujuan penambahan ilmu di kalangan staf UTMSPACE.

Senarai pelaksanaan **sesi taklimat** adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Taklimat	Anjuran	Tarikh Pelaksanaan
1.	Taklimat Penambahan Buku Perkhidmatan UTMSPACE Edisi 2020	BPHRM	JB : 8/1/2020 KL : 10/1/2020
2.	Taklimat Produk UTMSPACE Program Pengajian Diploma dan Program Asasi	BPHRM & STAD	JB : 19/1/2020 KL : 24/1/2020
3.	Semakan Penetapan KPI Staf bagi Tahun 2020 -bagi memperbaiki KPI yang telah ditetapkan dalam setiap bahagian/ pusat	BPHRM & Semua Bahagian/Pusat UTMSPACE	KL : 27/2/2020 JB : 1-3/3/2020
4.	Taklimat Kesedaran dan Amalan Pencegahan Penyakit Berjangkit COVID-19	BPHRM & Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ)	JB : 12/3/2020

Rajah 5 : Senarai Taklimat Anjuran BPHRM (Januari-Mac 2020)

Setiap staf bertanggungjawab memenuhi jam kehadiran kursus tahunan iaitu sekurang-kurangnya 16 jam setahun. Sehubungan dengan itu, rumusan kehadiran kursus staf bermula Januari 2020 sehingga Mac 2020 adalah seperti berikut:



Rajah 6 : % Kehadiran Kursus Staf (Januari-Mac 2020)

SAGUHATI PERKAHWINAN DAN MENERIMA CAHAYA MATA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran dengan kelulusan pengurusan UTMSPACE mengambil inisiatif kebajikan staf dengan memberi wang saguhati bagi staf yang melangsungkan perkahwinan dan menerima kelahiran cahaya mata. Bagi bulan Januari sehingga Mac 2020, staf yang menerima saguhati tersebut adalah seperti berikut:

a) Saguhati Perkahwinan

Bil.	Nama	Pusat/ Bahagian	Tarikh Perkahwinan
1	Fahmi Fahmie bin Yazid	BPHRM, JB	24/1/2020
2	Nurul Nurul Shahida Laily binti Mahmud	PPSM, KL	2/2/2020
3	Nur H Nur Hayati binti Amilodi	PPSM, JB	7/3/2020
4	Nurul Nurul Athma binti Mohd Shukry	PPI, JB	21/3/2020

b) Saguhati Kelahiran Cahaya Mata

Bil	Nama	Pusat/ Bahagian	Jantina Anak	Tarikh Kelahiran
1	Khairul Rijal bin Razali	PPI, JB	Lelaki	1/1/2020
2	Shahrulnizam bin Mohamad Ali	PPHR, JB	Perempuan	29/2/2020

Unit Aset & Fasilitas Johor Bahru

Tahun 2020 merupakan tahun penubuhan Unit Aset dan Fasilitas di bawah Pejabat Pembangunan dan Sumber Manusia. Sejalan dengan penubuhan unit baharu ini, terdapat pertambahan dua orang staf baharu yang menjadikan keseluruhan kakitangannya adalah seramai lima orang staf. Penambahan penjawatan adalah terdiri daripada seorang Eksekutif dan seorang Juruteknik bagi menampung pelbagai tugas yang bertambah di dalam operasi UTMSPACE.





Unit Aset dan Fasiliti terus mengorak langkah pantas dengan pelbagai perancangan pengurusan yang berkesan. Untuk permulaan, kerja-kerja penyelenggaraan pendingin hawa telah berjaya dilaksanakan seperti dirancang. Ia telah dilaksanakan pada 31hb Januari 2020 sehingga 2hb Februari 2020, dimana kakitangan Unit Aset dan Fasiliti telah membuat kerja-kerja penyelenggaraan pendingin hawa di UTMSPACE Pulau Pinang. Seterusnya, kerja-kerja penyelenggaraan telah dilakukan pula di UTMSPACE Kuala Lumpur pada 13 Februari 2020 sehingga 16 Februari 2020. Beberapa projek penyelenggaraan akan dilaksanakan di mana ia mengfokuskan kepada penggunaan aset bagi kelancaran sistem operasi di UTMSPACE.

RESEPSI DAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SARJANA MUDA (UTM-IDP, BBA, BGS) PENGAMBILAN FEBRUARI 2020

Resepsi dan pendaftaran pelajar baharu bagi Program Sarjana Muda (UTM-IDP, BBA & BGS) Pengambilan Februari 2020 telah berlangsung di Bangunan T05, UTMSPACE Johor Bahru.

Pendaftaran ini telah dijalankan sebanyak dua peringkat. Bagi peringkat pertama, ia telah berlangsung pada 27 sehingga 29 Januari 2020. Ia adalah pendaftaran bagi pelajar-pelajar antarabangsa yang memohon ke program-program yang ditawarkan. Manakala bagi peringkat kedua adalah untuk pendaftaran bagi pelajar-pelajar tempatan yang telah berlangsung pada 5 Februari 2020.

Seramai 44 orang pelajar tempatan dan antarabangsa telah hadir mendaftar diri bagi pengambilan sesi Februari. Berikut adalah pecahan bagi negara yang memohon ke program-program yang ditawarkan.





STATISTIK SARJANA MUDA UTM AMBILAN FEB 2019				
	IDP	BBA	BBA	BGS
Status Negara Pelajar	Antarabangsa	Antarabangsa	Lokal	Lokal
Mohon	128	5	12	17
Tawar	40	2	11	14
Daftar	32	2	8	2

NEGARA	PELAJAR
Bangladesh	15
Malaysia	10
Somalia	5
Egypt	2
Libya	2
Sudan	2
Yemen	2
China	1
Indonesia	1
Mauritania	1
Morocco	1
Saudi Arabia	1
Syria	1
JUMLAH	44

AMBILAN
JUN 2020



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

PROGRAM DIPLOMA UTM SEPARUH MASA

KERJA & BELAJAR

MEMBENTUK POTENSI • MEREALISASI ASPIRASI

PILIHAN NOMBOR 1

PROGRAM
KEJURUTERAAN
Pengajian Separuh Masa

diktiraf oleh

BADAN PROFESIONAL

PROGRAM YANG DITAWARKAN

• Pusat Pembelajaran Kuala Lumpur •

Diploma Kejuruteraan Awam

- Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa)
- Diploma Kejuruteraan Mekanikal
- Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)
- Diploma Pengurusan Teknologi
- Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)
- Diploma Ukur Bahan
- Diploma Pengurusan Harta Tanah
- Diploma Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)

• Pusat Pembelajaran Johor Bahru •

Diploma Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)



Permohonan Online
space.utm.my

Tarikh Tutup: 20 Mei 2020



UTMSpace, Aras 4 & 5, Blok T05
Universiti Teknologi Malaysia,
Johor Bahru, Malaysia.

Hotline: +607 531 8000 / 8001 (JB)

+603 2772 2500 (KL) Whatsapp: 019-777 6690
Telegram: spaceofficial Emel: space@utm.my

Johor Bahru • Kuala Lumpur

